

PELABUHAN KELANG, 24 JULAI (BERNAMA) -- SEKOLAH-SEKOLAH SEKARANG BOLEH MENGADAKAN SYARAHAN DAN KEGIATAN UGAMA UNTUK MENENTANG SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN PELAJAR YANG KEGIATANNYA BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, IA JUGA TELAH MEMINTA KERJASAMA GURU-GURU BESAR DAN PEMIMPIN TEMPATAN MENYEKAT KEGIATAN-KEGIATAN YANG TIDAK SIHAT ITU DARIPADA MENGGANGGU FIKIRAN MURID-MURID YANG MASIH MUDA.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU LUMUT DISINI HARI INI, DR. MAHATHIR BERKATA, ANASIR-ANASIR ITU BERLAGAK SEBAGAI ORANG +ALIM+ DENGAN MENGGUNAKAN ISLAM DAN DAKWAH UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

MEREKA MENCACI KERAJAAN DAN MEMBURUKAN PARA PEMIMPIN SUPAYA PARA PELAJAR BENCIKAN KERAJAAN. -- BERSAMBUNG 1247/YF

544:

MAHATHIR 2 PELABUHAN KELANG

MENURUTNYA, ANASIR-ANASIR ITU MENGELUARKAN FATWA-FATWA DAN PENDAPAT YANG TERLALU SEMPIT SEHINGGA TIDAK MUNGKIN DIAMALKAN.

MEREKA MAHU KEHENDAK MEREKA DIAMALKAN JUGA DENGAN CARA PAKSA WALAUPUN AKAN MENYEBABKAN ORANG-ORANG ISLAM MENJADI MUNDUR.

KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN MENYEKAT KEGIATAN ITU BUKANLAH BERTUJUAN MELEMAHKAN PENDIDIKAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH.

APA YANG DILAKUKAN TIDAK UNTUK MEMELIHARA TUNAS-TUNAS MUDA YANG DISEMAIKAN HARI INI DAPAT HIDUP SUBUR DAN MENGELUARKAN HASIL DIMASA DEPAN. -- BERSAMBUNG 1306/LK

545:

MAHATHIR 3 PELABUHAN KELANG

JIKA HAL INI DIBIARKAN, BELIAU BIMBANG TUJUAN KERAJAAN UNTUK MENCAPAI PERPADUAN DAN MEMAJUKAN LAPANGAN PELAJARAN DAN EKONOMI ORANG-ORANG ISLAM, KHASNYA BUMIPUTRA, SUPAYA SEIMBANG DENGAN KETURUNAN LAIN TIDAK AKAN TERCAPAI.

KEPADA PARA GURU YANG DITUGASKAN DIKAWASAN-KAWASAN LUARBANDAR, BELIAU MEMINTA MEREKA PANDAI MENYESUAIKAN DIRI DAN FAHAM HIDUP BERMASYARAKAT.

TANPA SIFAT-SIFAT INI, WALAUPUN BERTUGAS DI KAMPUNG SENDIRI, PERASAAN JEMU DAN GELISAH TETAP AKAN DIRASAI.

KEPADA IBUBAPA, BELIAU MEMINTA MEREKA MENOLONG GURU-GURU DALAM SOAL KESIHATAN ANAK-ANAK. INI PERLU KERANA KESIHATAN MERUPAKAN SALAH SATU FAKTOR PENTING BAGI KEJAYAAN MURID-MURID. -- BERNAMA 1310/LK